



KEMENTERIAN KOMUNIKASI



Kumpulan
MyCreative Ventures

GARIS PANDUAN DANA KANDUNGAN KREATIF (DKK) INDUSTRI MUZIK RMK13

Disediakan oleh:

MyCreative Ventures Sdn Bhd (MyCV)

Disemak dan diluluskan oleh:

Bahagian Pembangunan Kandungan (BPK), Kementerian Komunikasi (KK)

Tarikh kemaskini: Jun 2026

MYCREATIVE VENTURES SDN BHD
TINGKAT 18, MENARA SURIAN,
NO. 1, JALAN PJU7/3, MUTIARA DAMANSARA,
47810 PETALING JAYA,
SELANGOR
No. Tel: 03-7712 7212

ISI KANDUNGAN

1.	PENGENALAN	3
2.	OBJEKTIF	3
3.	INFORMASI DANA	4
4.	KRITERIA KELAYAKAN WAJIB	4
5.	KRITERIA PENILAIAN	6
6.	PROSES PERMOHONAN	7
7.	SYARAT-SYARAT PERMOHONAN	10
8.	SYARAT-SYARAT PELAKSANAAN PROJEK PENERIMA DANA.....	11
9.	PEMANTAUAN PROJEK PENERIMA DANA OLEH MYCV	11
10.	PENYALURAN PEMBAYARAN DKK.....	12
11.	PERJANJIAN DANA KANDUNGAN KREATIF	19
12.	PEMBATALAN DANA DAN AKIBAT-AKIBAT PEMBATALAN DANA.....	21
13.	PELBAGAI	21
	LAMPIRAN A.....	22
	(1) DANA PERSEMBAHAN MUZIK: KONSERT MUZIK	22
	(2) DANA PERSEMBAHAN MUZIK: FESTIVAL MUZIK.....	24
	(3) DANA PERSEMBAHAN MUZIK: GIG MUZIK.....	27
	LAMPIRAN B.....	29
	(1) DANA KEBOLEHANPASARAN: CIPTA KARYA.....	29
	(2) DANA KEBOLEHANPASARAN: INKUBATOR LESTARI MUZIK (ILMU)	31
	(3) DANA KEBOLEHANPASARAN: MUZIK MIKRO	34
	LAMPIRAN C.....	36
	(1) DANA PEMASARAN DAN PROMOSI DOMESTIK	36
	(2) DANA PEMASARAN DAN PROMOSI ANTARABANGSA.....	39
	LAMPIRAN D.....	42
	LAMPIRAN E.....	45
	LAMPIRAN F	48
	LAMPIRAN G.....	50

1. PENGENALAN

Malaysia telah meneroka dan menyusun strategi bagi meningkatkan daya saing industri kreatif sebagai pemangkin utama ekonomi negara. Industri kreatif berpotensi menjana ekonomi berpendapatan tinggi di samping memartabatkan budaya bangsa.

Dana Kandungan Kreatif (DKK) yang dahulu dikenali dengan Dana Industri Kandungan Digital (DIKD) telah diperkenalkan pada April 2015 sebagai kesinambungan kepada Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN).

Oleh itu, Garis Panduan DKK ini diwujudkan sebagai panduan dan rujukan kepada pemohon berkenaan cara permohonan, syarat dan kriteria bagi setiap dana serta langkah yang perlu dilaksanakan bagi setiap permohonan. Garis Panduan ini sama sekali tidak membentuk sebarang nasihat undang-undang dan MyCV berhak atas budi bicara mutlaknya untuk mengubah atau meminda Garis Panduan ini pada bila-bila masa.

2. OBJEKTIF

Objektif DKK Industri Muzik adalah bertujuan untuk:

- (a) Memberi galakan kepada penggiat industri kreatif dalam penghasilan penerbitan dan penyebaran kandungan kreatif yang berdaya cipta tinggi serta berupaya dipasarkan di pasaran tempatan dan antarabangsa;
- (b) Mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan ekonomi industri kreatif tempatan; dan
- (c) Mewujudkan harta intelek (*Intellectual Property* - IP) Malaysia bagi kandungan kreatif tempatan.

3. INFORMASI DANA

- (a) Di bawah DKK, terdapat beberapa jenis dana yang diperkenalkan. Berikut merupakan jenis-jenis dana utama di bawah DKK:

BIL.	JENIS DANA	KATEGORI DANA	SILING PEMBIAYAAN
1.	Dana Persembahan Muzik (LAMPIRAN A)	(1) Konsert Muzik	Sehingga RM500,000.00 sahaja
		(2) Festival Muzik	Sehingga RM1,000,000.00 sahaja
		(3) Gig Muzik	Sehingga RM120,000.00 sahaja
2.	Dana Kebolehanpasaran (LAMPIRAN B)	(4) Cipta Karya	Sehingga RM100,000.00 sahaja
		(5) Inkubator Lestari Muzik (Ilmu)	Sehingga RM200,000.00 sahaja
		(6) Muzik Mikro	Sehingga RM30,000.00 sahaja
3.	Dana Pemasaran Dan Promosi (LAMPIRAN C)	(7) Antarabangsa	Sehingga RM150,000.00 sahaja
		(8) Domestik	Sehingga RM50,000.00 sahaja

- (b) Jenis, kategori, output, pernyataan keperluan dan siling projek adalah tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Agihan DKK dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dari masa ke semasa. (Salinan surat kelulusan tahun pelaksanaan akan dilampirkan bersama Garis Panduan DKK)
- (c) Jumlah pembiayaan adalah terhad kepada kos-kos yang terlibat secara langsung dengan Projek dana sahaja. Maklumat lanjut berkenaan kos adalah seperti di LAMPIRAN A, B, dan C

4. KRITERIA KELAYAKAN WAJIB

- (a) Setiap permohonan perlu memenuhi kriteria yang telah ditetapkan untuk dipertimbangkan dan dinilai. Sila rujuk **LAMPIRAN D** untuk senarai dokumen yang diperlukan.

Bil.	Kriteria Kelayakan Pemohonan
1.	(a) Warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas, mewakili: (i) Kolektif/kumpulan atau organisasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); atau (ii) Syarikat yang didaftarkan di bawah kerajaan negeri; atau (iii) Persatuan atau pertubuhan bukan kerajaan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM).
2.	Mendapat kebenaran untuk membenarkan pemohon memohon program/dana dan melantik pegawai yang diberi kuasa untuk menandatangani serta melaksanakan sebarang dokumen berkaitan program tersebut.
3.	Aku Janji daripada Pemilik/ Pengarah/ Pengasas/ Pengerusi bagi Syarikat/Organisasi untuk memenuhi semua obligasi Projek Yang Dibiayai seperti yang tertera di dalam Surat Tawaran dan Perjanjian.
4.	Tidak bankrap, tidak tertakluk kepada satu perintah penggulungan, dan tidak disenarai hitam oleh agensi atau jabatan yang berkuatkuasa di Malaysia.
5.	Cadangan projek yang lengkap dan jelas berdasarkan permohonan jenis dana.
6.	(a) Pengalaman dalam produksi dan pengurusan persembahan atau konsert muzik awam sekurang-kurangnya dua (2) projek terbaru dalam masa dua (2) tahun sebelum tarikh permohonan dana; dan/atau (b) Pengalaman profesional/amatur dan memiliki portfolio kerja yang terlibat secara aktif dalam pembikinan dan produksi lagu di Malaysia sekurang-kurangnya dua (2) projek terbaru dalam masa dua (2) tahun sebelum tarikh permohonan dana; dan/atau (c) Mempunyai saluran media sosial (seperti tetapi tidak terhad kepada Youtube, Spotify, Instagram, Facebook) yang aktif seperti hantaran (posting) terbaru, dan berpengalaman mengendalikan produksi video dan audio secara digital; dan/atau (d) Mendapat pengiktirafan daripada kerajaan Malaysia atau luar negara dalam bidang muzik khasnya atau seni secara umum; dan/atau (e) *Pemohon menerima jemputan rasmi berbentuk surat atau e-mel dari penganjur atau promoter. Jemputan rasmi hendaklah menyatakan dan perhatian kepada nama pemohon seperti di bawah: (i) Artis solo atau individu/band/kumpulan; atau (ii) Label muzik komersial atau independent Malaysia. <i>*Kriteria hanya terpakai untuk Dana Pemasaran dan Promosi Antarabangsa</i>

5. KRITERIA PENILAIAN

(a) Kriteria-kriteria di atas akan dinilai berdasarkan perkara yang berikut:

Bil.	Kriteria Kelayakan Pemohonan	Dokumen untuk Semakan
1.	Kompetensi pemohon	(1) Pemohon mempunyai rekod projek/kerja yang aktif berkaitan muzik sekurang-kurangnya dua (2) projek terbaru dalam masa dua (2) tahun sebelum tarikh permohonan dana. (2) Pemohon menunjukkan dua (2) pencapaian masa lalu yang signifikan atau telah mendapat pengiktirafan dalam industri muzik Malaysia (seperti tetapi tidak terhad kepada anugerah dan/atau lain-lain pencapaian dalam bidang muzik, dalam atau luar negara).
2.	Sumbangan dan impak kepada industri muzik di Malaysia	(1) Penajaan tenaga kerja professional daripada industri sekurang-kurang dua (2) tenaga kerja. (2) Pewujudan peluang kerja baru kepada penggiat-penggiat industri sekurang-kurang dua (2) tenaga kerja. (3) Projek yang dicadangkan dapat diperluaskan aksesnya kepada pendengar di Malaysia dan/atau luar negara melalui cadangan pemasaran.
3.	Merit kesempurnaan kertas kerja dan cadangan projek	(1) Projek yang asli, kreatif dan inovatif. (2) Projek yang dicadangkan telah dijelaskan dengan teliti. (3) Projek harus menunjukkan jangkaan keberhasilan dan keuntungan daripada pemasaran (jangkaan pulangan atas pelaburan).
4.	Pengurusan projek	(1) Pemohon harus menunjukkan keupayaan untuk menyelesaikan projek yang dicadangkan (termasuk nisbah tenaga kerja kepada jadual kerja yang dicadangkan). (2) Pemohon harus menyediakan perincian bajet, jadual pelaksanaan projek dan rancangan pemasaran serta promosi.

6. PROSES PERMOHONAN


- (a) Permohonan dana di bawah DKK boleh dibuat melalui laman sesawang www.mycreative.com.my/grants.
- (b) Setiap permohonan hendaklah diisi menggunakan **BAHASA MALAYSIA SAHAJA** dan hanya permohonan melalui borang permohonan dalam talian sahaja akan diterima.
- (c) Semua permohonan akan disemak dan disaring, di mana hanya permohonan yang memenuhi kriteria kelayakan sahaja akan diproses oleh MyCV.
- (d) Permohonan yang melepasi peringkat saringan sahaja akan dijemput ke *Sesi Pitching**. Pemilihan akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal berdasarkan skor pemarkahan yang telah ditetapkan.

**Tidak digunapakai kepada Dana Pemasaran dan Promosi Antarabangsa dan Dana Pemasaran dan Promosi Domestik.*

- (e) Permohonan yang disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal diangkat kepada Jawatankuasa Pelulus.
- (f) Keputusan dimaklumkan kepada pemohon yang berjaya dan tidak berjaya melalui e-mel / portal.
- (g) Jika pemohon dana berjaya menerima dana, Surat Setuju Terima (SST) akan dikeluarkan oleh pihak MyCV kepada pemohon dana yang seterusnya akan dikenali sebagai penerima dana, dan hendaklah kemudian bersetuju untuk memasuki suatu perjanjian bertulis bersama pihak MyCV (Perjanjian). Penerima dana hendaklah melaksanakan dan menyempurnakan projek dalam tempoh yang ditetapkan di bawah Perjanjian itu. Tempoh menyiapkan projek yang ditetapkan oleh MyCV adalah bergantung kepada jenis dana seperti yang diperincikan dalam **LAMPIRAN A, B, dan C**.
- (h) Segala permohonan pertukaran atau perubahan di dalam projek hanya dibenarkan dibuat **dua (2) kali sahaja** dalam Tempoh Pelaksanaan Projek seperti yang berikut:
 - (i) Permohonan pertukaran pertama harus dibuat melalui surat rasmi dan dihantar dalam masa **tiga (3) bulan selepas tarikh SST** yang telah ditandatangani sepenuhnya dan diterima oleh pihak MyCV.

- (ii) Permohonan pertukaran kedua pula harus dibuat melalui surat rasmi dan dihantar **tiga (3) bulan sebelum tarikh projek dijalankan.**
- (i) Antara pertukaran atau perubahan yang dibenarkan adalah seperti yang berikut, tetapi tidak terhad kepada:
 - (i) Perubahan tarikh pelaksanaan dan/atau tarikh Perjanjian projek yang dibiayai; dan/atau
 - (ii) Perubahan lokasi, artis/pemuzik, dan/atau tajuk Projek yang dibiayai.
- (j) Untuk rujukan, carta alir ringkasan proses permohonan adalah seperti di muka surat selanjutnya.

CARTA ALIR PENGURUSAN DANA KANDUNGAN KREATIF (DKK)



7. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- (a) Permohonan hendaklah lengkap dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan;
- (b) Permohonan hendaklah mempunyai komponen muzik yang jelas dan tidak mempermainkan isu-isu sensitiviti kaum, bangsa, politik dan agama;
- (c) Permohonan hendaklah menunjukkan usaha yang jelas dalam memberi manfaat kepada artis atau penggiat muzik;
- (d) Permohonan yang khusus untuk tujuan akademik atau dibentangkan di bawah naungan sebuah sekolah atau institusi pengajian tinggi dan merupakan sebahagian daripada kurikulumnya, tidak akan diterima;
- (e) Permohonan syarikat atau nama pemohon yang sedang melaksanakan projek atau masih menerima pembayaran dan/atau pembiayaan dari MyCV atau Kementerian Komunikasi tidak akan diterima. Syarikat atau nama pemohon yang telah menerima apa-apa geran dari MyCV dan telah menyempurnakan projek harus melalui tempoh bertenang selama satu (1) tahun dari tarikh akhir Perjanjian, sebelum boleh diterima untuk memohon program DKK yang baru;
- (f) Segala tuntutan penyaluran Jumlah Dana yang dibenarkan adalah terhad kepada apa-apa aktiviti yang diluluskan dan/atau pembayaran apa-apa butiran projek yang dibuat oleh penerima dana sepanjang tempoh Perjanjian sahaja, tertakluk kepada kelulusan MyCV;
- (g) Dana tidak akan diberi kepada pemohon, pemilik, pengasas, pengerusi, dan/atau pengarah Syarikat/Organisasi yang terlibat secara langsung di dalam projek yang dicadangkan, di mana individu tersebut adalah sebahagian daripada tenaga kerja atau artis atau pemuzik atau pemilik tempat projek/ruang melibatkan projek itu, dan individu tersebut tidak dibenarkan melakukan sebarang transaksi kepada syarikat atau anak syarikat pemohon itu sendiri; dan
- (h) Dana ini **HANYA** menyokong dan disalurkan kepada **WARGANEGARA MALAYSIA SAHAJA**.
- (i) Sila rujuk **LAMPIRAN D** bagi maklumat lanjut tentang dokumen–dokumen yang diperlukan beserta format yang telah ditetapkan oleh MyCV.

8. SYARAT-SYARAT PELAKSANAAN PROJEK PENERIMA DANA

- (a) Penerima dana hendaklah menyempurnakan Projek mengikut Tempoh Pelaksanaan Projek seperti yang ditetapkan melalui SST dan Perjanjian.
- (b) *Output* akhir projek penerima dana tidak boleh mengandungi sebarang kandungan terlarang dan/atau bersifat kontroversi/ provokasial/ provokatif.
- (c) Penerima dana boleh, dengan persetujuan bertulis daripada MyCV, memperoleh dan mendapatkan pinjaman atau bantuan kewangan daripada pihak ketiga untuk menyiapkan projek, tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh MyCV.

9. PEMANTAUAN PROJEK PENERIMA DANA OLEH MYCV

Penerima dana hendaklah mengemukakan:

- (a) Satu laporan penuh dalam format yang ditetapkan oleh MyCV (yang mana berkenaan) serta dokumen sokongan, tetapi tidak terhad kepada:
 - (i) Laporan aktiviti;
 - (ii) Audiens/penonton (demografi & perbelanjaan);
 - (iii) Pemasaran dan promosi;
 - (iv) Perbelanjaan;
 - (v) Jualan tiket (fizikal dan atas talian);
 - (vi) Pendapatan;
 - (vii) Pulangan atas pelaburan;
 - (viii) Peluang pekerjaan untuk tenaga kerja tempatan; dan/atau
 - (ix) Bukti dan pautan ke aktiviti-aktiviti yang berkenaan;
- (b) Bukti penyertaan dalam program bimbingan, pementoran atau pembangunan yang dianjurkan oleh MyCV, di mana kos program sebanyak RM2,000.00 akan ditolak daripada jumlah dana yang diluluskan; dan
- (c) *Output* yang berada dalam proses pembikinan kepada pihak MyCV (jika diminta). Semua *output* harus mengikut format spesifikasi teknikal Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang boleh di dapati di pautan <https://www.rtm.gov.my/contents/30/spesifikasi-teknikal-untuk-pembekalan-bahan-ke-rtm>
- (d) Surat Pengesahan Audit (bagi tujuan bayaran akhir) yang mengesahkan pematuhan terhadap semua terma dan syarat yang ditetapkan dalam SST dan Perjanjian, termasuk tetapi tidak terhad kepada

penyempurnaan projek, laporan akhir dan dokumen sokongan berkaitan aktiviti projek, perbelanjaan yang layak dituntut, bukti pembayaran yang sah dan pencapaian/*output* akhir. Semua dokumen yang berkaitan hendaklah disahkan dan diaudit oleh akauntan bertauliah dan/atau juruaudit berdaftar serta berlesen **sebelum** dikemukakan kepada MyCV. Sebarang kos yang berkaitan dengan proses pengesahan dan audit hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh penerima dana dan tidak boleh dituntut di bawah dana ini.

- (e) Bukti pembayaran berkenaan projek yang dibuat pada tahun 2026 akan diterima, tertakluk kepada kelulusan jawatankuasa dan MyCV.
- (f) MyCV bersama panel-panel dari Jawatankuasa Penilaian Milestone, berhak pada bila-bila masa memantau proses pembikinan projek dan jika Jawatankuasa Penilaian Milestone tidak berpuas hati, penerima dana perlu memberikan penjelasan bertulis dalam masa tujuh (7) hari bekerja; dan
- (g) Penerima dana hendak mematuhi keputusan Jawatankuasa Pelulus, jika terdapat perubahan atau pembetulan yang diluluskan.

10. PENYALURAN PEMBAYARAN DKK

- (a) Terdapat tiga (3) kaedah Penyaluran Pembayaran DKK yang dilaksanakan secara berperingkat (rujuk Jadual Penyaluran Pembayaran DKK di bawah) mengikut perkembangan kemajuan projek (milestone) dan pembayaran tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Penilaian *Milestone*; dan
- (b) Dokumen-dokumen yang lengkap dan teratur akan dikemukakan kepada MyCV untuk urusan penyaluran pembayaran DKK; dan
- (c) Perincian terma dan syarat tertakluk kepada MyCV dan MyCV berhak menentukan Kaedah Penyaluran Pembayaran DKK kepada Tawaran Dana seperti di Lampiran A, B dan C.

JADUAL PENYALURAN PEMBAYARAN DKK

A. KAEDAH PERTAMA

- (1) Terpakai bagi program berikut:
(a) Dana Kebolehan Pasaran: Muzik Mikro

Bil.	Perkara	Tarikh Pembayaran
1.	Bayaran Pertama (30%)	Tiga puluh (30) hari bekerja selepas SST ditandatangani oleh penerima dana dan pihak MyCV.
2.	Bayaran Kedua (30%)	Tiga puluh (30) hari bekerja selepas Perjanjian ditandatangani oleh penerima dana dan pihak MyCV.
3.	Bayaran Seterusnya/Akhir (maksimum 40%* dianggap sebagai Wang Tahanan) *Peratusan pembayaran tertakluk kepada prestasi projek dana dan juga kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian <i>Milestone</i>.	Pembayaran hanya dibuat selepas setiap tuntutan, kewajipan dalam SST dan Perjanjian disempurnakan seperti yang dikehendaki MyCV (tetapi tidak terhad kepada): (1) Penghantaran Laporan Akhir Projek Dana yang lengkap; dan (2) Dokumen sokongan aktiviti dan/atau perbelanjaan; dan (3) Bukti penyertaan dalam program bimbingan, pementoran atau pembangunan yang dianjurkan oleh MyCV, di mana kos program sebanyak RM2,000.00 akan ditolak daripada jumlah dana yang diluluskan; dan (4) Surat Pengesahan Audit* yang mengesahkan pematuhan terhadap semua terma dan syarat yang dinyatakan dalam SST dan Perjanjian, termasuk tetapi tidak terhad kepada penyempurnaan projek, perbelanjaan yang layak dituntut, bukti pembayaran yang sah serta dokumen sokongan yang berkaitan; dan (5) Dokumen sokongan lain yang dikehendaki MyCV; dan (6) Selepas penerima dana membentangkan Laporan Akhir Projek Dana untuk penilaian dan diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa



KEMENTERIAN KOMUNIKASI



Kumpulan
MyCreative Ventures

Bil.	Perkara	Tarikh Pembayaran
		Penilaian <i>Milestone</i>, dalam masa tiga puluh (30) hari bekerja. *Laporan akhir serta semua dokumen sokongan berkaitan aktiviti projek, perbelanjaan dan pencapaian/hasil akhir hendaklah disahkan dan diaudit oleh akauntan bertauliah dan/atau juruaudit berdaftar serta berlesen sebelum dikemukakan kepada MyCV. Sebarang kos yang berkaitan dengan proses pengesahan dan audit tersebut hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh penerima geran dan tidak boleh dituntut di bawah geran ini.
4.	Tempoh serahan akhir <i>output</i> lengkap projek dana secara fizikal dan atas talian.	Tempoh serahan akhir <i>output</i> lengkap projek dana secara fizikal dan dalam talian ialah dalam tempoh masa seminggu sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian <i>Milestone</i> dilaksanakan.

B. KAEDAH KEDUA

- (1) Kaedah bayaran ini menggunakan konsep bayaran balik (*reimbursement*).
- (2) Terpakai bagi program berikut:
 - (a) Dana Pemasaran dan Promosi Antarabangsa
 - (b) Dana Pemasaran dan Promosi Domestik

Bil.	Perkara	Tarikh Pembayaran
1.	Bayaran Pertama (Jumlah berdasarkan resit dan bukti pembayaran yang dikemukakan atau sehingga 50%, yang mana lebih rendah)	Tiga puluh (30) hari bekerja selepas SST ditandatangani dan penerima dana mengemukakan resit perbelanjaan dan bukti pembayaran.
2.	Bayaran Seterusnya/Akhir (maksimum 50%* dianggap sebagai Wang Tahanan) *Peratus pembayaran tertakluk kepada prestasi projek dana dan juga kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian <i>Milestone</i> .	Pembayaran hanya dibuat selepas setiap tuntutan, kewajipan dalam SST dan Perjanjian disempurnakan seperti yang dikehendaki MyCV (tetapi tidak terhad kepada): (1) Penghantaran Laporan Akhir Projek Dana yang lengkap; dan (2) Dokumen sokongan aktiviti dan/atau perbelanjaan; dan (3) Bukti penyertaan dalam program bimbingan, pementoran atau pembangunan yang dianjurkan oleh MyCV, di mana kos program sebanyak RM2,000.00 akan ditolak daripada jumlah dana yang diluluskan; dan (4) Surat Pengesahan Audit* yang mengesahkan pematuhan terhadap semua terma dan syarat yang dinyatakan dalam SST dan Perjanjian, termasuk tetapi tidak terhad kepada penyempurnaan projek, perbelanjaan yang layak dituntut, bukti pembayaran yang sah serta dokumen sokongan yang berkaitan; dan (5) Dokumen sokongan lain yang dikehendaki MyCV; dan (6) Selepas penerima dana membentangkan Laporan Akhir Projek Dana untuk penilaian dan diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa



KEMENTERIAN KOMUNIKASI



Kumpulan
MyCreative Ventures

Bil.	Perkara	Tarikh Pembayaran
		Penilaian <i>Milestone</i>, dalam masa tiga puluh (30) hari bekerja. *Laporan akhir serta semua dokumen sokongan berkaitan aktiviti projek, perbelanjaan dan pencapaian/hasil akhir hendaklah disahkan dan diaudit oleh akauntan bertaualiah dan/atau juruaudit berdaftar serta berlesen sebelum dikemukakan kepada MyCV. Sebarang kos yang berkaitan dengan proses pengesahan dan audit tersebut hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh penerima geran dan tidak boleh dituntut di bawah geran ini.
3.	Tempoh serahan akhir <i>output</i> lengkap projek dana secara fizikal dan atas talian.	Tempoh serahan akhir <i>output</i> lengkap projek dana secara fizikal dan atas talian ialah dalam tempoh masa seminggu sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian <i>Milestone</i> dilaksanakan.

C. KAEDAH KETIGA

- (1) Terpakai bagi program berikut:
 - (a) Dana Persembahan Muzik
 - (i) Konsert Muzik
 - (ii) Festival Muzik
 - (iii) Gig Muzik
 - (b) Dana Kebolehan Pasaran
 - (i) Cipta Karya
 - (ii) Inkubator Lestari Muzik (ILMU)

Bil.	Perkara	Tarikh Pembayaran
1.	Bayaran Pertama (20%)	Tiga puluh (30) hari bekerja selepas SST ditandatangani oleh penerima dana dan pihak MyCV.
2.	Bayaran Kedua (30%)	Tiga puluh (30) hari bekerja selepas Perjanjian ditandatangani oleh penerima dana dan pihak MyCV.
3.	Bayaran Kedua (30%)	Tiga puluh (30) hari bekerja selepas pihak MyCV menerima dokumen berikut seperti yang dikehendaki oleh MyCV: (1) Penghantaran Laporan Kemajuan Projek Dana yang lengkap dengan bukti penyelesaian aktiviti-aktiviti interim; dan/atau (2) Bukti perbelanjaan penuh daripada Bayaran Pertama dan Kedua; dan (3) Dokumen sokongan lain yang dikehendaki MyCV; dan (4) Selepas penerima dana membentangkan Laporan Kemajuan Projek Dana untuk penilaian dan diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian <i>Milestone</i>, dalam masa tiga puluh (30) hari bekerja.
4.	Bayaran Seterusnya/Akhir	Pembayaran hanya dibuat selepas setiap tuntutan, kewajipan dalam SST dan Perjanjian disempurnakan seperti yang dikehendaki MyCV (tetapi tidak terhad kepada):



KEMENTERIAN KOMUNIKASI



Bil.	Perkara	Tarikh Pembayaran
	(maksimum 20%* dianggap sebagai Wang Tahanan) *Peratusan pembayaran tertakluk kepada prestasi projek dana dan juga kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian <i>Milestone</i>.	(1) Penghantaran Laporan Akhir Projek Dana yang lengkap; dan (2) Dokumen sokongan aktiviti dan/atau perbelanjaan; dan (3) Bukti penyertaan dalam program bimbingan, pementoran atau pembangunan yang dianjurkan oleh MyCV, di mana kos program sebanyak RM2,000.00 akan ditolak daripada jumlah dana yang diluluskan; dan (4) Surat Pengesahan Audit* yang mengesahkan pematuhan terhadap semua terma dan syarat yang dinyatakan dalam SST dan Perjanjian, termasuk tetapi tidak terhad kepada penyempurnaan projek, perbelanjaan yang layak dituntut, bukti pembayaran yang sah serta dokumen sokongan yang berkaitan; dan (5) Dokumen sokongan lain yang dikehendaki MyCV; dan (6) Selepas penerima dana membentangkan Laporan Akhir Projek Dana untuk penilaian dan diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian <i>Milestone</i>, dalam masa tiga puluh (30) hari bekerja. *Laporan akhir serta semua dokumen sokongan berkaitan aktiviti projek, perbelanjaan dan pencapaian/hasil akhir hendaklah disahkan dan diaudit oleh akauntan bertauliah dan/atau juruaudit berdaftar serta berlesen sebelum dikemukakan kepada MyCV. Sebarang kos yang berkaitan dengan proses pengesahan dan audit tersebut hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh penerima geran dan tidak boleh dituntut di bawah geran ini.
4.	Tempoh serahan akhir <i>output</i> lengkap projek dana secara fizikal dan atas talian.	Tempoh serahan akhir <i>output</i> lengkap projek dana secara fizikal dan atas talian ialah dalam tempoh masa seminggu sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian <i>Milestone</i> dilaksanakan.

11. SYARAT DANA KANDUNGAN KREATIF

- (a) Penerima dana **tidak dibenarkan** untuk menerima **dana bertindih** (*double dipping*) berbentuk **geran**, untuk **projek yang sama** daripada mana-mana agensi, organisasi atau kementerian kerajaan sekiranya telah/sedang/akan menerima Jumlah Dana daripada MyCV bagi mengelakkan berlakunya pertindihan dana;
- (b) Penerima dana **tidak boleh** membuat sebarang **pembelian** peralatan atau kelengkapan menggunakan Jumlah Dana yang telah diberikan oleh MyCV, tetapi hanya untuk tujuan **sewaan** peralatan/ kelengkapan sahaja, jika berkenaan;
- (c) Penerima dana haruslah menggunakan Jumlah Dana untuk tujuan perbelanjaan yang dibuat kepada **PEMBEKAL TEMPATAN SAHAJA** yang dilantik oleh penerima dana untuk melaksanakan mana-mana bahagian projek dana. Pembekal Tempatan bermaksud individu, syarikat atau organisasi yang berdaftar dan/atau beralamat di Malaysia sahaja. Terma ini tidak terpakai kepada Dana Pemasaran dan Promosi Antarabangsa;
- (d) MyCV boleh dengan memberikan notis bertulis kepada penerima dana, untuk menahan bayaran dana jika pada pendapatnya, penerima dana gagal untuk melaksanakan tanggungjawabnya mengikut peruntukan yang ditetapkan;
- (e) Penerima dana boleh memohon lanjutan tempoh Perjanjian secara bertulis sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat Perjanjian**. MyCV mempunyai kuasa mutlak untuk mempertimbangkan permohonan tersebut. Jika MyCV bersetuju, kedua-dua pihak boleh berunding mengenai terma dan syarat lanjutan tidak lewat dari tiga (3) minggu sebelum tarikh tamat Perjanjian;
- (f) Penerima dana hendaklah melaksanakan segala aktiviti, kerja dan perkara yang perlu bagi memastikan projek dana ini berjaya dilaksanakan mengikut skop dan spesifikasi yang ditetapkan oleh MyCV;
- (g) Penerima dana hendaklah membenarkan MyCV memuat naik *Output* projek dana di platform media sosial Kementerian Komunikasi, MyCV atau syarikat berkaitan MyCV (seperti tetapi tidak terhad kepada laman media sosial *Facebook* atau X, Portal Kementerian Komunikasi, laman media sosial *Youtube* Muzik Malaysia dan laman web Muzik Malaysia, laman web MyCV atau syarikat berkaitan MyCV) tanpa mengenakan

sebarang bayaran dan/atau royalti untuk tempoh selama mana diperlukan MyCV;

- (h) Penerima dana hendaklah membenarkan *Output* projek dana disiarkan di saluran media Radio Televisyen Malaysia (RTM) tanpa mengenakan sebarang bayaran dan/atau royalti untuk tempoh selama mana diperlukan MyCV;
- (i) Penerima dana hendaklah membenarkan *Output* projek dana disimpan di pusat penyimpanan data MyCV tanpa mengenakan sebarang bayaran dan/atau royalti untuk tempoh selama mana diperlukan MyCV;
- (j) Penerima dana hendaklah membuat persembahan di mana-mana acara MyCV atau Kementerian Komunikasi apabila diperlukan tetapi terhad kepada **dua (2) persembahan** sahaja, tanpa sebarang bayaran sepanjang tempoh Perjanjian;
- (k) Penerima dana tidak boleh menzahirkan kepada mana-mana orang atau mana-mana pihak apa-apa maklumat yang ditemuinya atau yang dizahirkan kepadanya kecuali jika mendapat keizinan bertulis daripada MyCV;
- (l) Jika Penerima dana tanpa sebab munasabah:
 - (i) ingkar, gagal, atau enggan mematuhi mana-mana terma dan syarat yang ternyata dalam SST dan/atau Perjanjian;
 - (ii) tidak melaksanakan projek dana dengan sempurna dan memuaskan atau tidak mengikut terma atau syarat Perjanjian;
 - (iii) menggantung pelaksanaan mana-mana bahagian atau keseluruhan projek dana tanpa alasan munasabah; atau
 - (iv) gagal mematuhi arahan MyCV tanpa alasan munasabah,maka MyCV akan memberi notis bertulis menyatakan keingkaran tersebut dan menghendaki penerima dana untuk memperbaikinya dalam tempoh yang ditetapkan. MyCV berhak menamatkan Perjanjian dengan serta-merta tanpa menjejaskan hak atau remedi lain yang dimilikinya terhadap penerima dana;
- (m) Sekiranya penerima dana gagal menyiapkan projek dana dalam tempoh yang ditetapkan, MyCV berhak menghentikan bayaran dana serta merta tanpa sebarang liabiliti kepada penerima dana dan penerima dana hendaklah mengembalikan peruntukan Jumlah Dana yang telah diterima sepenuhnya kepada MyCV; dan

- (n) Terma-terma di atas adalah sebahagian daripada syarat-syarat utama Perjanjian. Terma-terma yang lebih terperinci akan dimasukkan di dalam Perjanjian. Walaubagaimanapun, MyCV berhak untuk mengubah apa-apa terma yang dirasakan sesuai, mengikut keperluan MyCV.

12. PEMBATALAN DANA DAN AKIBAT-AKIBAT PEMBATALAN DANA

12.1 Pembatalan Dana

Pihak MyCV berhak membatalkan Dana dengan memberikan notis kepada Penerima Dana sekiranya Penerima Dana gagal mematuhi obligasinya menurut Perjanjian.

12.2 Akibat Pembatalan Dana

- (a) Sekiranya dana dibatalkan oleh MyCV, SST dan Perjanjian akan ditamatkan dan terma-terma berkenaan dengan akibat penamatan SST dan Perjanjian seperti yang ditetapkan bawah Perjanjian akan terpakai; dan
- (b) Mana-mana obligasi MyCV berkenaan dengan dana di bawah DKK tersebut (termasuk untuk membuat penyaluran dana atau mana-mana bahagian daripadanya) akan tamat serta-merta.

13. PELBAGAI

13.1 Notifikasi MyCV

Sebarang notifikasi oleh MyCV kepada pemohon dana adalah melalui notifikasi surat atau emel.

13.2 Kerahsiaan

Butiran pemohon dana akan digunakan untuk tujuan pemprosesan dan penilaian permohonan sebagaimana yang dibenarkan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

13.3 Pertanyaan / Maklumat Lanjut

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berkenaan dana di bawah DKK, sila hubungi MyCV melalui e-mel di dkk@mycreative.com.my

LAMPIRAN A

DANA PERSEMBAHAN MUZIK (DPM)

(1) DANA PERSEMBAHAN MUZIK: KONSERT MUZIK

Bil.	Perkara	Penerangan
1.	Penerangan Dana	Dana ini disediakan untuk menyokong penganjuran satu (1) persembahan muzik (konsert) bertiket dan berbayar, di lokasi berkapasiti 2,000 penonton ke atas.
2.	Objektif Dana	Menyokong penganjuran satu (1) persembahan muzik (konsert) yang mempunyai nilai komersial tinggi, berdaya saing, dan mampu menjana pulangan pelaburan (ROI) serta merancakkan ekosistem muzik tempatan.
3.	Siling Penyaluran Dana	Sehingga RM500,000.00 sahaja.
4.	Kaedah Penyaluran Dana	Kaedah Ketiga.
5.	Skop Projek Yang Wajib Dipenuhi	Penganjuran satu (1) persembahan muzik (konsert) dengan kriteria yang berikut: (1) Bertiket dan berbayar; dan (2) Diadakan sehingga dua (2) hari sahaja; dan (3) Diadakan di lokasi berkapasiti 2,000 penonton ke atas; dan (4) Melibatkan minimum satu (1) artis tempatan; dan (5) Penghasilan minimum lima puluh (50) peluang pekerjaan.
6.	Tempoh Perjanjian	Dua puluh empat (24) bulan daripada tarikh Surat Setuju Terima (SST) yang dikeluarkan oleh MyCV, kecuali satu tempoh lain yang diluluskan oleh MyCV.
7.	Tempoh Pelaksanaan	Dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh 1 Januari 2027, kecuali satu tempoh lain yang diluluskan oleh MyCV.
8.	Skop Pembiayaan Yang Dibenarkan	Pembayaran kepada Warganegara Malaysia dan Pembekal Tempatan yang terlibat dengan Projek yang dibiayai sahaja seperti kategori berikut: (1) Artis Tempatan (Solo dan/atau Band); Penggajian/upah kepada artis dan pemuzik untuk keseluruhan projek sahaja dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV.

Bil.	Perkara	Penerangan
		(2) Produksi; Kos termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sewaan barangan produksi seperti peralatan bunyi dan pencahayaan, pentas dan reka bentuk pentas, Front of House (FOH), LED bersama grafik visual pentas, Multi-camera Production (MCP) / Single-camera Production (SCP) dan penggajian/upah tenaga kerja produksi untuk keseluruhan projek; tidak termasuk kos pengurusan, kos makanan/katering, kos mekap dan sewaan pakaian dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV. (3) Tempat Persembahan; Kos sewaan tempat persembahan/konsert sahaja; tidak termasuk tempat latihan atau tempat-tempat lain yang tidak berkaitan dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV. (4) Pemasaran dan Promosi (Digital dan Fizikal); Kos termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sewaan atau pembelian ruang media, sidang media, penghasilan barang pemasaran seperti <i>merchandise, bunting, banner, poster</i>, pembayaran pengiklanan secara digital di media sosial dan bayaran kepada pempengaruh bagi tujuan promosi dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV.
9.	Output Akhir	(1) Penyerahan dalam format Definisi Tinggi (HD) dalam bentuk pautan fail atau cakera keras: (a) Rakaman video konsert penuh; dan (b) Rakaman video <i>highlight</i> (tujuan pemasaran); dan (2) Satu laporan penuh dalam format laporan yang ditetapkan oleh MyCV, termasuk, tetapi tidak terhad kepada: (a) Laporan aktiviti; (b) Audiens/penonton (demografi & perbelanjaan); (c) Pemasaran dan promosi; (d) Perbelanjaan; (e) Jualan tiket (fizikal dan atas talian); (f) Pendapatan; (g) Pulangan atas pelaburan; (h) Peluang pekerjaan untuk tenaga kerja tempatan; dan (i) Bukti dan pautan ke aktiviti-aktiviti yang berkenaan.

(2) DANA PERSEMBAHAN MUZIK: FESTIVAL MUZIK

Bil.	Perkara	Penerangan
1.	Penerangan Dana	Dana ini disediakan untuk menyokong penganjuran satu (1) acara festival muzik bertiket dan berbayar, di tempat berkapasiti 5,000 penonton ke atas, satu (1) acara setiap tahun, selama dua (2) tahun berturut-turut.
2.	Objektif Dana	Menyokong penganjuran festival muzik berskala besar (kapasiti 5,000 ke atas), selama dua (2) tahun berturut-turut, yang mampu menjana impak ekonomi tinggi dan pelancongan muzik, untuk mewujudkan " <i>Multiplier Effect</i> " dalam rangkaian nilai industri.
3.	Siling Penyaluran Dana	Sehingga RM1,000,000.00 sahaja.
4.	Kaedah Penyaluran Dana	Kaedah Ketiga.
5.	Skop Projek Yang Wajib Dipenuhi	Penganjuran satu (1) festival muzik tematik dengan kriteria-kriteria yang berikut: (1) Bertiket dan berbayar; dan (2) Diadakan selama dua (2) tahun dalam tempoh Perjanjian; dan (3) Diadakan sehingga tiga (3) hari sahaja setiap acara; dan (4) Diadakan di lokasi berkapasiti 5,000 penonton ke atas; dan (5) Melibatkan minimum satu (1) artis Baharu (BBNU); dan (6) Melibatkan minimum satu (1) artis lama; dan (7) Penghasilan minimum seratus (100) peluang pekerjaan.
6.	Tempoh Perjanjian	Tiga puluh enam (36) bulan daripada tarikh Surat Setuju Terima (SST) yang dikeluarkan oleh MyCV, kecuali satu tempoh lain yang diluluskan oleh MyCV.
7.	Tempoh Pelaksanaan	Dalam tempoh dua puluh empat (24) bulan dari tarikh 1 Januari 2027, kecuali satu tempoh lain yang diluluskan oleh MyCV.
8.	Skop Pembiayaan Yang Dibenarkan	Pembayaran kepada Warganegara Malaysia dan Pembekal Tempatan yang terlibat dengan Projek yang Dibiayai sahaja seperti kategori yang berikut:

Bil.	Perkara	Penerangan
		(1) Artis Tempatan (Solo dan/atau Band); Penggajian/upah kepada artis dan pemuzik untuk keseluruhan projek sahaja dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV. (2) Produksi; Kos termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sewaan barangan produksi seperti peralatan bunyi dan pencahayaan, pentas dan reka bentuk pentas, Front of House (FOH), LED bersama grafik visual pentas, Multi-camera Production (MCP) / Single-camera Production (SCP) dan penggajian/upah tenaga kerja produksi untuk keseluruhan projek; tidak termasuk kos pengurusan, kos makanan/katering, kos mekap dan sewaan pakaian dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV. (3) Tempat Persembahan; Kos sewaan tempat persembahan/konsert sahaja; tidak termasuk tempat latihan atau tempat-tempat lain yang tidak berkaitan dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV. (4) Pemasaran dan Promosi (Digital dan Fizikal); Kos termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sewaan atau pembelian ruang media, sidang media, penghasilan barang pemasaran seperti <i>merchandise</i>, <i>bunting</i>, <i>banner</i>, <i>poster</i>, pembayaran pengiklanan secara digital di media sosial dan bayaran kepada pempengaruh bagi tujuan promosi dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV.
9.	Output Akhir	(1) Penyerahan dalam format Definisi Tinggi (HD) dalam bentuk pautan fail atau cakera keras: (a) Rakaman video konsert penuh; dan (b) Rakaman video <i>highlight</i> (tujuan pemasaran); dan (2) Satu laporan penuh dalam format laporan yang ditetapkan oleh MyCV, termasuk, tetapi tidak terhad kepada: (a) Laporan aktiviti; (b) Audiens/penonton (demografi & perbelanjaan); (c) Pemasaran dan promosi; (d) Perbelanjaan; (e) Jualan tiket (fizikal dan atas talian); (f) Pendapatan; (g) Pulangan atas pelaburan;



KEMENTERIAN KOMUNIKASI



Kumpulan
MyCreative Ventures

Bil.	Perkara	Penerangan
		(h) Peluang pekerjaan untuk tenaga kerja tempatan; dan (i) Bukti dan pautan ke aktiviti-aktiviti yang berkenaan.

(3) DANA PERSEMBAHAN MUZIK: GIG MUZIK

Bil.	Perkara	Penerangan
1.	Penerangan Dana	Dana ini disediakan untuk menyokong penganjuran persembahan muzik (gig) bertiket dan berbayar, di tempat berkapasiti sehingga 2,000 penonton, sebanyak empat kali (4) dalam setahun.
2.	Objektif Dana	Menyokong persembahan muzik (gig) berkapasiti sehingga 2,000, sebanyak empat (4) kali setahun, demi memastikan kelangsungan aktiviti persembahan muzik yang konsisten untuk artis pertengahan membina pangkalan peminat, dan sebahagian dari pembangunan infrastruktur akar umbi.
3.	Siling Penyaluran Dana	Sehingga RM120,000.00 sahaja.
4.	Kaedah Penyaluran Dana	Kaedah Ketiga.
5.	Skop Projek Yang Wajib Dipenuhi	Penganjuran satu (1) siri Gig muzik dengan kriteria-kriteria yang berikut: (1) Bertiket dan berbayar; dan (2) Diadakan sebanyak empat (4) kali setahun (satu (1) acara setiap suku tahun); dan (3) Diadakan di lokasi berkapasiti maksimum 2,000 penonton sahaja; dan (4) Melibatkan minimum satu (1) artis baharu; dan (5) Melibatkan minimum satu (1) artis lama; dan (6) Penghasilan minimum tiga puluh (30) peluang pekerjaan.
6.	Tempoh Perjanjian	Dua puluh empat (24) bulan daripada tarikh Surat Setuju Terima (SST) yang dikeluarkan oleh MyCV, kecuali satu tempoh lain yang diluluskan oleh MyCV.
7.	Tempoh Plaksanaan	Dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh 1 Januari 2027, kecuali satu tempoh lain yang diluluskan oleh MyCV.
8.	Skop Pembiayaan Yang Dibenarkan	Pembayaran kepada Warganegara Malaysia dan Pembekal Tempatan yang terlibat dengan Projek yang Dibiayai sahaja seperti kategori yang berikut: (1) Artis Tempatan (Solo dan/atau Band); Penggajian/upah kepada artis dan pemuzik untuk keseluruhan projek sahaja dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV.

Bil.	Perkara	Penerangan
		(2) Produksi; Kos termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sewaan barangan produksi seperti peralatan bunyi dan pencahayaan, pentas dan reka bentuk pentas, Front of House (FOH), LED bersama grafik visual pentas, Multi-camera Production (MCP) / Single-camera Production (SCP) dan penggajian/upah tenaga kerja produksi untuk keseluruhan projek; tidak termasuk kos pengurusan, kos makanan/katering, kos mekap dan sewaan pakaian dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV. (3) Tempat Persembahan; Kos sewaan tempat persembahan/konsert sahaja; tidak termasuk tempat latihan atau tempat-tempat lain yang tidak berkaitan dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV. (4) Pemasaran dan Promosi (Digital dan Fizikal); Kos termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sewaan atau pembelian ruang media, sidang media, penghasilan barang pemasaran seperti <i>merchandise, bunting, banner, poster</i>, pembayaran pengiklanan secara digital di media sosial dan bayaran kepada pempengaruh bagi tujuan promosi dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV.
9.	Output Akhir	(1) Penyerahan dalam format Definisi Tinggi (HD) dalam bentuk pautan fail atau cakera keras: (a) Rakaman video konsert penuh; dan (b) Rakaman video <i>highlight</i> (tujuan pemasaran); dan (2) Satu laporan penuh dalam format laporan yang ditetapkan oleh MyCV, termasuk, tetapi tidak terhad kepada: (a) Laporan aktiviti; (b) Audiens/penonton (demografi & perbelanjaan); (c) Pemasaran dan promosi; (d) Perbelanjaan; (e) Jualan tiket (fizikal dan atas talian); (f) Pendapatan; (g) Pulangan atas pelaburan; (h) Peluang pekerjaan untuk tenaga kerja tempatan; dan (i) Bukti dan pautan ke aktiviti-aktiviti yang berkenaan.

LAMPIRAN B

DANA KEBOLEHANPASARAN

(1) DANA KEBOLEHANPASARAN: CIPTA KARYA

Bil.	Perkara	Penerangan
1.	Penerangan Dana	Dana ini disediakan untuk menyokong penciptaan sekurang-kurangnya tiga (3) lagu atau maksimum sepuluh (10) lagu bersama satu (1) video muzik dan pemasaran kandungan muzik (fizikal dan digital) di peringkat domestik dan antarabangsa.
2.	Objektif Dana	Memperkasa kebolehpasaran bakat tempatan melalui pembangunan aset kreatif yang lengkap (penerbitan 3-10 lagu dan 1 video muzik) serta pelaksanaan kempen pemasaran dan promosi domestik dan antarabangsa yang strategik secara fizikal dan dalam talian.
3.	Siling Penyaluran Dana	Sehingga RM100,000.00 sahaja.
4.	Kaedah Penyaluran Dana	Kaedah Ketiga.
5.	Skop Projek Yang Wajib Dipenuhi	Produksi <i>Album/Single</i> dengan lagu baru atau / dan lagu lama diberi nafas baru yang belum pernah diterbitkan dengan kriteria-kriteria yang berikut: (1) Minimum tiga (3) lagu sehingga maksimum sepuluh (10) lagu; dan (2) Minimum satu (1) video muzik; dan (3) Minimum satu (1) Majlis Pelancaran dalam negara; dan (4) Penghasilan minimum dua puluh (20) peluang pekerjaan.
6.	Tempoh Perjanjian	Dua puluh empat (24) bulan daripada tarikh Surat Setuju Terima (SST) yang dikeluarkan oleh MyCV, kecuali satu tempoh lain yang diluluskan oleh MyCV.
7.	Tempoh Pelaksanaan	Dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh 1 Januari 2027, kecuali satu tempoh lain yang diluluskan oleh MyCV.
8.	Skop Pembiayaan Yang Dibenarkan	Pembayaran kepada Warganegara Malaysia dan Pembekal Tempatan yang terlibat dengan Projek yang Dibiayai sahaja seperti kategori yang berikut, termasuk tetapi tidak terhad kepada: (1) Produksi Lagu;

Bil.	Perkara	Penerangan
		Kos sewaan studio rakaman dan perkhidmatan untuk rakaman audio/lagu dan tenaga kerja produksi; termasuk recording, mixing dan mastering, penulis lirik, penulis dan penggubah lagu, pemuzik dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV. (2) Produksi Video Muzik; Kos sewaan peralatan produksi video, sewaan tempat, penggajian/upah artis/pemuzik/pelakon yang terlibat termasuk tenaga kerja produksi; tetapi tidak termasuk kos pengurusan dan kos makanan/katering dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV. (3) Pemasaran dan Promosi (Digital dan Fizikal); Kos termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sewaan atau pembelian ruang media, sidang media, penghasilan barang pemasaran seperti <i>merchandise</i>, <i>bunting</i>, <i>banner</i>, <i>poster</i>, pembayaran pengiklanan secara digital di media sosial dan bayaran kepada pengengaruh bagi tujuan promosi dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV.
9.	Output Akhir	(1) Penyerahan dalam format .wav atau .mp3: (a) Extended Play (EP) minimum tiga (3) lagu; dan/atau (b) Album (maksimum sepuluh (10) lagu); dan (2) Penyerahan dalam format mp4: (a) Minimum satu (1) video muzik (b) Minimum satu (1) video perlaksanaan majlis pelancaran dalam negara; dan (3) Satu laporan penuh dalam format laporan yang ditetapkan oleh MyCV, termasuk, tetapi tidak terhad kepada: (a) Laporan aktiviti; (b) Audiens/penonton (demografi & perbelanjaan); (c) Pemasaran dan promosi; (d) Perbelanjaan; (e) Jualan tiket (fizikal dan atas talian); (f) Pendapatan; (g) Pulangan atas pelaburan; (h) Peluang pekerjaan untuk tenaga kerja tempatan; dan (i) Bukti dan pautan ke aktiviti-aktiviti yang berkenaan.

(2) DANA KEBOLEHANPASARAN: INKUBATOR LESTARI MUZIK (ILMU)

Bil.	Perkara	Penerangan
1.	Penerangan Dana	Dana ini disediakan untuk menyokong penciptaan bakat muzik baharu, dengan membiayai pengurus artis untuk melaksanakan keseluruhan proses pembinaan kerjaya artis; bermula daripada penghasilan muzik hinggalah kepada kempen pemasaran di pasaran sebenar.
2.	Objektif Dana	Mengangkat peranan pengurus artis sebagai penggerak utama dalam inkubasi bakat baharu dan kelestarian kerjaya artis.
3.	Siling Penyaluran Dana	Sehingga RM200,000.00 sahaja.
4.	Kaedah Penyaluran Dana	Kaedah Ketiga.
5.	Skop Projek Yang Wajib Dipenuhi	(1) Fasa Produksi Album (dalam tempoh dua belas (12) bulan): (a) Minimum lima (5) lagu baharu (Fizikal dan Digital); dan (b) Minimum dua (2) video muzik; dan (2) Fasa Pemasaran (dalam tempoh enam (6) bulan): (a) Peningkatan media sosial (<i>social media boosting</i>); dan (b) Minimum satu (1) sesi fotografi professional; dan (c) Minimum satu (1) Majlis Pelancaran Album atau siri jelajah dalam negara; dan (d) Mendapatkan slot <i>airplay</i> radio tempatan; dan (e) Minimum satu (1) temu bual radio tempatan; dan (3) Penghasilan minimum tiga puluh (30) peluang pekerjaan.
6.	Tempoh Perjanjian	Tiga puluh (30) bulan daripada tarikh Surat Setuju Terima (SST) yang dikeluarkan oleh MyCV, kecuali satu tempoh lain yang diluluskan oleh MyCV.
7.	Tempoh Pelaksanaan	Dalam tempoh lapan belas (18) bulan dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) yang dikeluarkan oleh MyCV, kecuali satu tempoh lain yang diluluskan oleh MyCV.
8.	Skop Pembiayaan Yang Dibenarkan	Pembayaran kepada Warganegara Malaysia dan Pembekal Tempatan yang terlibat dengan Projek yang Dibiayai sahaja seperti kategori yang berikut, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

Bil.	Perkara	Penerangan
		(1) Produksi Lagu; Kos sewaan studio rakaman dan perkhidmatan untuk rakaman audio/lagu dan tenaga kerja produksi; termasuk recording, mixing dan mastering, penulis lirik, penulis dan penggubah lagu, pemuzik dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV. (2) Produksi Video Muzik; Kos sewaan peralatan produksi video, sewaan tempat, penggajian/upah artis/pemuzik/pelakon yang terlibat termasuk tenaga kerja produksi; tetapi tidak termasuk kos pengurusan dan kos makanan/katering dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV. (3) Pemasaran dan Promosi (Digital dan Fizikal); Kos termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sewaan atau pembelian ruang media, sidang media, penghasilan barang pemasaran seperti <i>merchandise, bunting, banner, poster</i>, pembayaran pengiklanan secara digital di media sosial dan bayaran kepada pengengaruh bagi tujuan promosi dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV.
9.	Output Akhir	(1) Siap sepenuhnya (Digital & Fizikal) dalam format .wav atau .mp3: (a) Extended Play (EP) minimum lima (5) lagu; dan/atau (b) Album (minimum lima (5) lagu); dan (2) Penyerahan dalam format mp4: (a) Minimum satu (1) video muzik; dan (b) Minimum satu (1) visualizer (bagi tujuan pemasaran) yang berkualiti tinggi (c) Minimum satu (1) video pelaksanaan majlis pelancaran atau siri jelajah dalam negara; dan (3) Penyerahan rakaman satu (1) temu bual radio tempatan dalam format Definisi Tinggi (HD) dalam bentuk pautan fail atau cakera keras: (a) Rakaman video penuh; dan (b) Rakaman video highlight (tujuan pemasaran); dan (4) Satu laporan penuh dalam format laporan yang ditetapkan oleh MyCV, termasuk, tetapi tidak terhad kepada: (a) Laporan aktiviti; (b) Audiens/penonton (demografi & perbelanjaan); (c) Pemasaran dan promosi;



KEMENTERIAN KOMUNIKASI



Kumpulan
MyCreative Ventures

Bil.	Perkara	Penerangan
		(d) Perbelanjaan; (e) Jualan tiket (fizikal dan atas talian); (f) Pendapatan; (g) Pulangan atas pelaburan; (h) Peluang pekerjaan untuk tenaga kerja tempatan; dan (i) Bukti dan pautan ke aktiviti-aktiviti yang berkenaan

(3) DANA KEBOLEHANPASARAN: MUZIK MIKRO

Bil.	Perkara	Penerangan
1.	Penerangan Dana	Dana ini menyediakan pembiayaan mikro untuk penghasilan serta pemasaran satu (1) karya audio atau video muzik asli, bertujuan mempertingkatkan aset harta intelek dan jejak digital.
2.	Objektif Dana	Menyediakan dana permulaan yang mudah diakses bagi menggalakkan penghasilan karya baharu dan kandungan visual berkualiti khusus untuk merancakkan aktiviti pengeluaran dalam industri.
3.	Siling Penyaluran Dana	Sehingga RM30,000.00 sahaja.
4.	Kaedah Penyaluran Dana	Kaedah Pertama.
5.	Skop Projek Yang Wajib Dipenuhi	Karya asli dan belum pernah diterbitkan: (1) Produksi satu (1) lagu baru atau lagu lama diberi nafas baru; atau (2) Produksi satu (1) video muzik dari lagu baru atau lagu lama diberi nafas baru; dan (3) Pemasaran dan promosi secara digital dan/atau fizikal; dan (4) Penghasilan minimum dua puluh (20) peluang pekerjaan.
6.	Tempoh Perjanjian	Lapan belas (18) bulan daripada tarikh Surat Setuju Terima (SST) yang dikeluarkan oleh MyCV, kecuali satu tempoh lain yang diluluskan oleh MyCV.
7.	Tempoh Pelaksanaan	Dalam tempoh lapan (8) bulan dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) yang dikeluarkan oleh MyCV, kecuali satu tempoh lain yang diluluskan oleh MyCV.
8.	Skop Pembiayaan Yang Dibenarkan	Pembayaran kepada Warganegara Malaysia dan Pembekal Tempatan yang terlibat dengan Projek yang Dibiayai sahaja seperti kategori yang berikut, termasuk tetapi tidak terhad kepada: (1) Produksi Lagu;

Bil.	Perkara	Penerangan
		Kos sewaan studio rakaman dan perkhidmatan untuk rakaman audio/lagu dan tenaga kerja produksi; termasuk recording, mixing dan mastering, penulis lirik, penulis dan penggubah lagu, pemuzik dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV. (2) Produksi Video Muzik; Kos sewaan peralatan produksi video, sewaan tempat, penggajian/upah artis/pemuzik/pelakon yang terlibat termasuk tenaga kerja produksi; tetapi tidak termasuk kos pengurusan dan kos makanan/catering, dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV. (3) Pemasaran dan Promosi (Digital dan Fizikal); Kos termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sewaan atau pembelian ruang media, sidang media, penghasilan barang pemasaran seperti <i>merchandise, bunting, banner, poster</i>, pembayaran pengiklanan secara digital di media sosial dan bayaran kepada pengengaruh bagi tujuan promosi dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV.
9.	Output Akhir	(1) Penyerahan dalam format digital: (a) Satu (1) rakaman lagu yang penuh dan lengkap; atau (b) Satu (1) rakaman video muzik yang penuh dan lengkap; dan (2) Satu laporan penuh dalam format laporan yang ditetapkan oleh MyCV, termasuk, tetapi tidak terhad kepada: (a) Laporan aktiviti; (b) Audiens/penonton (demografi & perbelanjaan); (c) Pemasaran dan promosi; (d) Perbelanjaan; (e) Jualan tiket (fizikal dan atas talian); (f) Pendapatan; (g) Pulangan atas pelaburan; (h) Peluang pekerjaan untuk tenaga kerja tempatan; dan (i) Bukti dan pautan ke aktiviti-aktiviti yang berkenaan.

LAMPIRAN C

DANA PEMASARAN DAN PROMOSI

(1) DANA PEMASARAN DAN PROMOSI DOMESTIK

Bil.	Perkara	Penerangan
1.	Penerangan Dana	Dana ini disediakan untuk menyokong penyertaan penggiat dan karya muzik ke pasaran dalam Malaysia.
2.	Objektif Dana	Menggalakkan penggiat industri dalam penghasilan, penerbitan dan penyebaran kandungan berkaitan muzik yang berdaya cipta dan berupaya dipasarkan di pasaran tempatan.
3.	Siling Penyaluran Dana	Sehingga RM50,000.00 sahaja.
4.	Kaedah Penyaluran Dana	Kaedah Kedua.
5.	Skop Projek Yang Wajib Dipenuhi	(1) Jelajah minimum lima (5) negeri berlainan di dalam Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. (2) Penghasilan minimum dua puluh (20) peluang pekerjaan.
6.	Tempoh Perjanjian	Sepuluh (10) bulan daripada tarikh Surat Setuju Terima (SST) yang dikeluarkan oleh MyCV, kecuali satu tempoh lain yang diluluskan oleh MyCV.
7.	Tempoh Pelaksanaan	Dalam tempoh lapan (8) bulan dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) yang dikeluarkan oleh MyCV, kecuali satu tempoh lain yang diluluskan oleh MyCV.
8.	Skop Pembiayaan Yang Dibenarkan	Pembayaran kepada Warganegara Malaysia dan Pembekal Tempatan yang terlibat dengan Projek yang Dibiayai sahaja seperti kategori yang berikut, termasuk tetapi tidak terhad kepada: (1) Kos Tiket Penerbangan dalam Malaysia Sahaja (Kelas Ekonomi sahaja) sehingga sepuluh (10) orang termasuk Kos Logistik; Kos hanya kepada pembelian tiket penerbangan pergi dan balik untuk kelas ekonomi sahaja; termasuk fi bagasi. Pembiayaan hanya kepada artis dan ahli kumpulan, pengurus kumpulan dan kru yang terlibat sahaja dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV. (2) Sewaan Kenderaan dalam Malaysia sahaja;

Bil.	Perkara	Penerangan
		Kos hanya kepada sewaan kenderaan untuk pelaksanaan projek dan terhad kepada dua (2) kenderaan sahaja, termasuk minyak dan tol; TIDAK TERMASUK pemandu, dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV. (3) Penginapan (dalam Malaysia); Kos hanya kepada sewaan untuk penginapan (<i>Twin Sharing</i>) maksima lima (5) bilik atau <i>AirBnB</i> sehingga sepuluh (10) orang sepanjang pelaksanaan projek, dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV. (4) Perbelanjaan Per-Diem sehingga sepuluh (10) orang; Kos hanya kepada perbelanjaan <i>Per-Diem</i> berdasarkan hari yang diluluskan yang terhad kepada makan, minum dan dobi pakaian sahaja, dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV. (5) Sewaan tambahan alatan produksi (jika ada); Kos hanya kepada sewaan tambahan alatan termasuk sewaan <i>backline</i>, alatan muzik, <i>PA system</i>, <i>visual</i> dan sewaan tempat persembahan TIDAK TERMASUK tempat latihan, dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV. (6) Pemasaran dan Promosi (Digital dan Fizikal); Kos termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sewaan atau pembelian ruang media, sidang media, penghasilan barang pemasaran seperti <i>merchandise</i>, <i>bunting</i>, <i>banner</i>, <i>poster</i>, pembayaran pengiklanan secara digital di media sosial dan bayaran kepada pempengaruh bagi tujuan promosi dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV.
9.	Output Akhir	(1) Penyerahan dalam format digital: (a) Satu (1) rakaman video travelog berdurasi minimum dua puluh (20) minit, dan (b) Satu (1) <i>teaser</i> video berdurasi minimum satu (1) minit; dan (2) Satu laporan penuh yang dikemukakan dalam format laporan yang ditetapkan oleh MyCV, termasuk, tetapi tidak terhad kepada: (a) Laporan aktiviti; (b) Audiens/penonton (demografi & perbelanjaan); (c) Pemasaran dan promosi; (d) Perbelanjaan; (e) Jualan tiket (fizikal dan atas talian);



KEMENTERIAN KOMUNIKASI



Bil.	Perkara	Penerangan
		(f) Pendapatan; (g) Pulangan atas pelaburan; (h) Peluang pekerjaan untuk tenaga kerja tempatan; dan (i) Bukti dan pautan ke aktiviti-aktiviti yang berkenaan.

(2) DANA PEMASARAN DAN PROMOSI ANTARABANGSA

Bil.	Perkara	Penerangan
1.	Penerangan Dana	Dana ini disediakan untuk menyokong penyertaan penggiat dan karya muzik ke pasaran luar negara.
2.	Objektif Dana	Menggalakkan penggiat industri dalam penghasilan, penerbitan dan penyebaran kandungan berkaitan muzik yang berdaya cipta dan berupaya dipasarkan di pasaran tempatan dan antarabangsa.
3.	Siling Penyaluran Dana	Sehingga RM150,000.00 sahaja.
4.	Kaedah Penyaluran Dana	Kaedah Kedua.
5.	Skop Projek Yang Wajib Dipenuhi	Memfokuskan penyertaan penggiat dan karya muzik ke pasaran luar negara, seperti berikut: (1) Satu (1) persembahan atau kolaborasi bersama artis luar, di luar negara; atau (2) Tour (sekurang-kurangnya lima (5) lokasi) di luar negara; atau (3) Pertandingan muzik di luar negara; atau (4) Jemputan menjadi juri secara fizikal di pertandingan muzik luar negara; atau (5) Jemputan menjadi jurucakap berkenaan muzik dan industri, secara fizikal, di luar negara; dan (6) Penghasilan minimum dua puluh (20) peluang pekerjaan.
6.	Tempoh Perjanjian	Empat belas (14) bulan daripada tarikh Surat Setuju Terima (SST) yang dikeluarkan oleh MyCV, kecuali satu tempoh lain yang diluluskan oleh MyCV.
7.	Tempoh Pelaksanaan	Dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) yang dikeluarkan oleh MyCV, kecuali satu tempoh lain yang diluluskan oleh MyCV.
8.	Skop Pembiayaan Yang Dibenarkan	Pembayaran kepada pihak yang terlibat dengan Projek yang Dibiayai sahaja seperti kategori yang berikut, termasuk tetapi tidak terhad kepada: (1) Kos Tiket Penerbangan (Kelas Ekonomi sahaja) sehingga sepuluh (10) orang termasuk Kos Logistik untuk penerbangan keluar negara dan masuk Malaysia Sahaja; Kos hanya kepada pembelian tiket penerbangan pergi dan balik untuk kelas ekonomi sahaja; termasuk fi



KEMENTERIAN KOMUNIKASI

Kumpulan
MyCreative Ventures

Bil.	Perkara	Penerangan
		bagasi. Pembiayaan hanya kepada artis dan ahli kumpulan, pengurus kumpulan dan kru yang terlibat sahaja, dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV. (2) Sewaan Kenderaan di luar negara sahaja; Kos hanya kepada sewaan kenderaan untuk pelaksanaan projek dan terhad kepada dua (2) kenderaan sahaja, termasuk minyak dan tol; tetapi TIDAK TERMASUK pemandu dan sewaan kenderaan dalam Malaysia, dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV. (3) Penginapan (luar negara); Kos hanya kepada sewaan untuk penginapan (<i>Twin Sharing</i>) maksima lima (5) bilik atau <i>AirBnB</i> sehingga sepuluh (10) orang sepanjang pelaksanaan projek di luar negara sahaja; tetapi TIDAK TERMASUK kos penginapan dalam Malaysia, dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV. (4) Perbelanjaan Per-Diem untuk sehari, sehingga sepuluh (10) orang termasuk 5% amaun kontingensi dalam jumlah keseluruhan perdiem di luar negara sahaja; Kos hanya kepada perbelanjaan <i>Per-Diem</i>, berdasarkan hari yang diluluskan yang terhad kepada makan, minum dan dobi pakaian termasuk 5% amaun kontingensi dalam jumlah keseluruhan <i>per-diem</i> di luar negara sahaja; TIDAK TERMASUK perbelanjaan dalam Malaysia, dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV. (5) Bayaran Fi Pempamer / Promoter / Yuran kemasukan untuk pertandingan atau membuat persembahan (jika ada); Kos hanya kepada bayaran Fi kepada pempamer / promoter termasuk yuran kemasukan untuk pertandingan atau membuat persembahan di luar negara sahaja, dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV. (6) Sewaan tambahan alatan produksi di luar negara sahaja (jika ada); Kos hanya kepada sewaan tambahan alatan di luar negara sahaja; termasuk sewaan <i>backline</i>, alatan muzik, <i>PA system</i>, <i>visual</i> dan kos sewaan tempat persembahan; tetapi TIDAK TERMASUK tempat



KEMENTERIAN KOMUNIKASI



Bil.	Perkara	Penerangan
		latihan, dan/atau kategori lain yang diluluskan oleh MyCV. (7) Pembiayaan hanya disokong sehingga dua puluh satu (21) hari sahaja terhadap kepada hari persembahan dan hari perjalanan pergi dan balik, di luar negara sahaja.
9.	<i>Output Akhir</i>	(1) Penyerahan dalam format digital: (a) Satu (1) rakaman video travelog berdurasi minimum dua puluh (20) minit, dan (b) Satu (1) <i>teaser</i> video berdurasi minimum satu (1) minit; dan (2) Satu laporan penuh dalam format laporan yang ditetapkan oleh MyCV, termasuk, tetapi tidak terhadap kepada: (a) Laporan aktiviti; (b) Audiens/penonton (demografi & perbelanjaan); (c) Pemasaran dan promosi; (d) Perbelanjaan; (e) Jualan tiket (fizikal dan atas talian); (f) Pendapatan; (g) Pulangan atas pelaburan; (h) Peluang pekerjaan untuk tenaga kerja tempatan; dan (i) Bukti dan pautan ke aktiviti-aktiviti yang berkenaan.

LAMPIRAN D

SENARAI DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN

Bil.	Dokumen
1.	Salinan kad pengenalan Pemohon dan Pemilik/ Pengasas/ Pengarah/ Pengerusi bagi Syarikat/Organisasi
2.	Dokumen pendaftaran syarikat/organisasi termasuk, tetapi tidak terhad kepada: (1) Dokumen SSM yang lengkap (bertarikh tidak lebih satu (1) bulan dari tarikh permohonan), tetapi tidak terhad kepada: (a) Syarikat Sendirian Berhad: Profil Syarikat SSM (Contoh Dokumen); atau (b) Pemilikan Tunggal / Perkongsian: Profil Perniagaan SSM (Contoh Dokumen); atau (c) Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT): Profil PLT SSM (Contoh Dokumen); atau (2) Bagi Syarikat berdaftar di bawah Kerajaan Negeri: (a) Sijil ordinan Syarikat; atau (b) Sijil pendaftaran syarikat di bawah kerajaan negeri; atau (3) Bagi Pertubuhan/Persatuan/Yayasan yang berdaftar dengan JPPM: (a) Salinan sijil pertubuhan; dan (b) Senarai terkini Ahli Jawatankuasa
3.	Dokumen Kebenaran untuk pemohon memohon program/dana dan melantik pegawai yang diberi kuasa untuk menandatangani serta melaksanakan sebarang dokumen berkaitan program tersebut. Salinan yang Diakui Sah oleh Setiausaha Syarikat/ Pesuruhjaya Sumpah: (1) Bagi Syarikat Sendirian Berhad: Resolusi Lembaga Pengarah yang ditandatangani oleh majoriti Lembaga Pengarah; atau (2) Bagi Pemilikan Tunggal/ Perkongsian: Surat Kebenaran yang ditandatangani oleh pemilik/rakan kongsi perniagaan; atau (3) Bagi Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT): Resolusi Perkongsian Liabiliti Terhad (atau Resolusi Pekongsi); atau (4) Bagi Pertubuhan/Persatuan/ Yayasan: Resolusi Jawatankuasa atau Ekstrak Minit Mesyuarat Jawatankuasa

Bil.	Dokumen
4.	Surat Aku Janji daripada Pemilik/ Pengarah/ Pengasas/ Pengerusi bagi Syarikat/Organisasi untuk memenuhi semua obligasi Projek Yang Dibiayai seperti yang tertera di dalam Surat Setuju Terima dan Perjanjian. Rujuk LAMPIRAN E
5.	Surat Akuan Status Kebankrapan Pemilik/ Pengasas/ Pengarah/ Pengerusi bagi Syarikat/Organisasi yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah. Rujuk LAMPIRAN F
6.	Borang kebenaran untuk MyCV menyemak status kredit Syarikat/Organisasi dan Pemilik/ Pengarah/ Pengasas/ Pengerusi bagi Syarikat/Organisasi melalui Credit Tip Off Service (CTOS). Rujuk LAMPIRAN G
7.	Laporan Insolvensi Individu untuk Pemilik/ Pengarah/ Pengasas/ Pengerusi bagi Syarikat/Organisasi dari Jabatan Insolvensi Malaysia.
8.	Laporan Insolvensi Syarikat/Organisasi dari Jabatan Insolvensi Malaysia; dan/atau Perakuan Keutuhan Syarikat (ACGS) jika syarikat adalah Sendirian Berhad atau Berhad sahaja.
9.	Profil syarikat atau portfolio kerja pemohon atau portfolio projek terdahulu yang jelas menunjukkan pengalaman pemohon dana, merangkumi minimum dua (2) projek terbaru dalam masa dua (2) tahun sebelum tarikh permohonan dana. Pemohon dana hendaklah juga menyatakan penglibatannya dalam projek-projek tersebut dan butiran yang jelas merangkumi: (1) Nama projek yang terlibat; (2) Jawatan dalam projek; (3) Pautan kepada media sosial untuk projek yang terlibat atau sedang dijalankan; dan (4) Pautan kepada lagu dan/atau video projek yang terlibat atau sedang dijalankan.
10.	Kertas cadangan projek yang lengkap dan jelas berdasarkan permohonan jenis dana dengan format yang telah ditetapkan oleh MyCV seperti yang berikut, tetapi tidak terhad kepada: (1) Tajuk program/acara; (2) Latar belakang Pemohon dan Syarikat; (3) Latar belakang Projek;

Bil.	Dokumen
	(4) Objektif; (5) Jadual pelaksanaan projek termasuk aktiviti, tenaga kerja (nisbah aktiviti dan tenaga kerja diperlukan) sepanjang tempoh pelaksanaan projek dijalankan; (6) Perincian komponen-komponen dalam projek sebagai contoh tetapi tidak terhad kepada: (a) acara seperti cadangan tarikh, tempat dan lain-lain; (b) produksi dan pemasaran seperti senarai nama tenaga produksi dan pemasaran, cadangan tarikh, tempat dan lain-lain sekiranya melibatkan <i>showcase</i> atau siri jelajah; (c) atau apa-apa yang berkaitan dengan projek seperti yang dikehendaki oleh MyCV. (7) Demografik kumpulan sasaran (domestik & antarabangsa) tidak terhad kepada: (a) Penonton/pengunjung; dan (b) Pendengar. (8) Kaedah pelaksanaan produksi/program/acara: (a) Promosi/publisiti/pengiklanan (jika berkaitan); (b) Anggaran perincian perbelanjaan (perlu jelas seperti yang dikehendaki oleh MyCV); (c) Pulangan Atas Pelaburan dan Impak (jelas dan kuantitatif); dan/atau (d) Jumlah tenaga kerja termasuk tenaga kerja profesional dan amatur (e) Jumlah penajaan tenaga kerja baru

LAMPIRAN E

SURAT AKU JANJI

No. Rujukan :

Tarikh :

MyCreative Ventures Sdn. Bhd.

Aras 18, Menara Surian,

No. 1, Jalan PJU7/3,

Mutiara Damansara,

47810 Petaling Jaya,

Selangor, Malaysia.

Tuan/Puan,

Surat Aku Janji oleh Pengarah/Pemilik/Pengasas/Pengerusi

1. Saya/Kami, merupakan *pengarah/ *pemilik/ *pengasas/ *pengerusi untuk syarikat _____ (No. Pendaftaran. _____) ("Organisasi"), merujuk kepada Dana Kandungan Kreatif Industri Muzik (Dana) yang diuruskan oleh MyCreative Ventures Sdn. Bhd. [No. Syarikat: 201201014087 (987604-M)] ("MyCV").
2. Sebagai pertimbangan kepada MyCV yang bersetuju untuk memproses dan menilai permohonan DKK ini, saya/kami dengan ini berikrar dan beraku janji secara tidak boleh batal bahawa, jika permohonan Organisasi diluluskan, saya/kami akan:
 - (a) memastikan Surat Setuju Terima (SST) diterima dalam jangka masa yang ditetapkan oleh MyCV;
 - (b) memasuki suatu perjanjian bertulis dengan MyCV (Perjanjian) dalam tempoh yang ditetapkan;
 - (c) memastikan Organisasi mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam SST dan Perjanjian;
 - (d) menyediakan sokongan kewangan, apabila diperlukan, bagi membolehkan Organisasi melaksanakan obligasi yang dinyatakan dalam SST dan Perjanjian;
 - (e) bertanggungjawab terhadap sebarang bayaran balik kepada MyCV bagi keseluruhan jumlah dana yang telah disalurkan kepada Organisasi atau apa-apa jumlah yang ditetapkan oleh MyCV mengikut budi bicara mutlak, sekiranya Organisasi gagal melaksanakan mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan dalam SST dan Perjanjian, dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis pembayaran balik yang akan dikeluarkan oleh MyCV;

- (f) menanggung rugi sepenuhnya MyCV terhadap semua kerugian, tuntutan ganti rugi, kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh MyCV termasuk kos guaman dan perbelanjaan atas dasar indemniti penuh akibat kegagalan pembayaran, ketidaklaksanaan atau ketidakpatuhan SST dan Perjanjian, walau apa pun:
- i. pemberian masa lanjut atau kelonggaran yang diberikan kepada Organisasi;
 - ii. kelewatan atau kegagalan MyCV dalam menguatkuasakan haknya di bawah SST dan Perjanjian;
 - iii. jika Organisasi, suatu badan korporat, mengambil apa-apa langkah untuk pembubaran, penggulungan atau pelantikan pelikuidasi (termasuk pelikuidasi sementara), penerima, pengurus kehakiman, pemegang amanah, pentadbir, ejen atau pegawai seumpamanya bagi Organisasi atau mana-mana bahagian aset Organisasi;
 - iv. jika Organisasi ialah persatuan atau milikan tunggal/perkongsian yang berdagang sebagai sebuah perusahaan, pembubaran Organisasi; dan
 - v. peletakkan jawatan saya sebagai pegarah/pemilik/rakan kongsi/presiden/pengerusi Organisasi.
3. Aku janji ini tidak boleh dibatalkan atau dilepaskan oleh sebab penggulungan, penggabungan, penyusunan semula Organisasi. Aku janji ini tidak boleh dibatalkan, diubah atau diketepikan oleh saya/kami dalam apa jua cara melainkan dipersetujui secara bertulis oleh MyCV.
 4. Aku janji ini hendaklah menjadi jaminan dan indemniti yang berterusan dan hendaklah kekal berkuat kuasa sepenuhnya walaupun Surat Tawaran ditamatkan.
 5. Jaminan dan indemniti ini tidak akan dianggap dilepaskan sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya oleh pelaksanaan mana-mana bahagian obligasi yang dijamin pada bila-bila masa.
 6. Sebarang notis atau komunikasi hendaklah diberikan secara bertulis, ke alamat masing-masing yang dinyatakan di bawah.

Organisasi	MyCV
[Isi Alamat Di Sini] Untuk Perhatian: Ketua Pegawai Eksekutif Tel: XX-XXXXXXX Emel:	Aras 18, Menara Surian, No. 1, Jalan PJU7/3, Mutiara Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia. Untuk Perhatian: Ketua Pegawai Eksekutif Tel: +603-7712 7212\ Emel:

7. Bukti penyampaian notis hendaklah dianggap telah disampaikan atau dibuat:
- (a) jika penyampaian secara kediri, apabila disampaikan kepada penerima di alamat tersebut dan pengakuan terima diperoleh;
 - (b) jika melalui emel, apabila dihantar tanpa apa-apa mesej kesilapan (error message) atau penghantar e-mel menerima notis bahawa e-mel tersebut tidak berjaya dihantar kepada penerima e-mel; atau
 - (c) jika dihantar melalui pos berdaftar, pada hari ketiga selepas pengeposan.
8. Semua kos dan perbelanjaan dalam penyediaan aku janji ini termasuk duti setem hendaklah ditanggung dan dibayar oleh Organisasi.
9. Masa hendaklah menjadi intipati dalam aku janji ini.
10. Aku janji ini dan hubungan antara pihak-pihak (termasuk pertikaian atau tuntutan bukan kontraktual) hendaklah ditafsirkan dan dikawal oleh undang-undang Malaysia.

Ditandatangani oleh:

Ditandatangani oleh:

.....
Nama:
No. KP:
Jawatan:
Tarikh:
Cop Syarikat: (diperlukan)

.....
Nama:
No. KP:
Jawatan:
Tarikh:
Cop Syarikat: (diperlukan)

LAMPIRAN F

SURAT AKUAN STATUS KEBANKRAPAN

Saya.....(No. K/P:;).....adalah
seorang warganegara Malaysia yang cukup umur dan beralamat
di.....
..... sesungguhnya
mengaku seperti bahawa:

- I. Saya tidak pernah diisytiharkan muflis atau bankrap atau membuat sebarang perjanjian dengan atau penyerahan hak untuk faedah pemiutang;
- II. Saya tidak pernah disampaikan petisyen kebangkrapan atau tiada sebarang perintah penerimaan yang dibuat terhadap saya;
- III. Tiada sebarang penghakiman yang pernah dimasukkan terhadap saya dalam mana-mana mahkamah;
- IV. Tiada sebarang tindakan undang-undang difailkan terhadap saya; dan
- V. Saya bukan bankrap yang belum dilepaskan dan tidak ada petisyen untuk kebangkrapan yang difailkan terhadap saya;

Saya membuat pengisytiharan ini dengan penuh pengetahuan dan kesedaran tentang pergantungan pihak MyCreative Ventures Sdn. Bhd. (MyCV) kepada perkara ini sebagai dorongan atau asas untuk meneruskan Surat Setuju Terima (SST), Perjanjian atau apa-apa dokumentasi lain untuk pemberian dana kepada saya atau syarikat yang diwakili saya.

Saya sedar sepenuhnya sebelum mengesahkan surat akuan ini bahawa ia adalah satu kesalahan jenayah untuk mendorong pihak MyCV untuk meneruskan permohonan dana saya jika akuan saya adalah atas dasar akuan palsu.

Saya juga sedar bahawa sekiranya akuan saya adalah tidak benar, saya boleh dikenakan hukuman penjara sehingga tujuh (7) tahun atau denda atau kedua - duanya di bawah Akta Akuan Berkanun 1960, atau apa-apa denda/hukuman yang terpakai mengikut undang-undang di Malaysia.

Saya berjanji untuk memaklumkan pihak MyCV dalam masa tujuh (7) hari selepas saya mengetahui tentang petisyen kebangkrapan atau jika sebarang tindakan undang-undang difailkan terhadap saya selepas penandatanganan surat akuan ini

Dan saya membuat akuan ini dengan ikhlas mempercayai perkara yang sama adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dengan sebenar-benarnya	}
oleh yang tersebut di atas iaitu	}
	}
	}
di	}
pada	}

Di hadapan saya,

.....
Pesuruhjaya Sumpah

LAMPIRAN G

BORANG KEBENARAN SEMAKAN CTOS

CTOS Public

Tarikh :

Kepada :

(Nama & Alamat/Cop Syarikat)

Tuan/Puan,

Persetujuan Penzahiran Maklumat Kredit

Saya/Kami memberi persetujuan kepada anda dan CTOS Data Systems Sdn Bhd ("CTOS"), agensi pelaporan kredit yang didaftarkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 ("APK") untuk memproses data peribadi syarikat saya/kami seperti yang ditakrifkan bawah Akta APK dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDP").

Dengan persetujuan ini, saya/kami memahami dan bersetuju bahawa:

- i. Anda boleh membuat semakan kredit/perdagangan terhadap saya/kami dan terhadap pengarah, pemegang saham, penjamin, dan lain-lain sekiranya persetujuan telah diberikan oleh setiap individu tersebut, dengan CTOS pada bila-bila masa selagi saya/kami mempunyai hubungan perdagangan dengan anda atau mempunyai sebarang tunggakan yang belum dijelaskan dengan anda, untuk sebarang tujuan berikut:
 - ✓ Pembukaan akaun
 - ✓ Pemantauan kredit/akaun
 - ✓ Pemulihan hutang
 - ✓ Penilaian kredit/akaun
 - ✓ Kajian kredit/akaun
 - ✓ Dokumentasi undang-undang berikutan kontrak atau kemudahan yang diberikan oleh anda.
- ii. Anda boleh memproses dan/atau menzahirkan data peribadi saya/kami dan/atau sebarang maklumat terhadap akaun saya/kami dengan anda kepada mana-mana entiti perniagaan untuk tujuan penyenggaraan rujukan perdagangan. Saya/Kami juga faham bahawa maklumat tersebut akan diberikan kepada CTOS, yang kemudiannya juga boleh berkongsi maklumat tersebut kepada para pelanggan mereka.
- iii. Sekiranya maklumat permohonan saya/kami perlu diproses oleh mana-mana pusat pemprosesan yang bertempat di luar Malaysia (termasuk Ibu Pejabat anda), saya/kami dengan ini memberi kebenaran kepada CTOS untuk menzahirkan laporan kredit saya/kami kepada lokasi tersebut di luar Malaysia.

Ditandatangani oleh

Nama:
No KP Baru:
Jawatan:
No Tel Bimbit:
Cop Syarikat:
(jika ada)

Ditandatangani oleh

Nama:
No KP Baru:
Jawatan:
No Tel Bimbit:
Cop Syarikat:
(jika ada)